

Bimbang tebing sungai runtuh

Sembilan keluarga Kampung Pulau Meranti tidak dapat tidur nyenyak

Oleh Samadi Ahmad

bhnews@bharian.com.my

SEPANG: Sembilan seke-luarga di Kampung Pulau Meranti dekat sini hidup dalam kebimbangan kerana hakisan tebing Sungai Rasau di hadapan rumah mereka semakin teruk sejak seminggu lalu.

Warga tua, Ahmad Abas, 78, yang tinggal di rumah itu sejak lima tahun lalu bersama lapan ahli keluarganya berkata, mereka bimbang kejadian tidak diingini berlaku memandangkan cuaca tidak menentu sekarang.

Katanya, setiap malam beliau sekeluarga tidak dapat tidur nyenyak kerana bimbang, tetapi tiada pilihan selain terus tinggal di rumah itu meskipun keluarganya terdedah dengan bahaya.

Beliau mendakwa, kejadian tanah runtuh terbabit mungkin ada kaitan dengan binaan konkrit di dalam sungai itu bagi kerja memperbaiki saluran paip air di kampung berkenaan.



MARSUM (dua dari kiri) melawat hakisan Sungai Rasau di Kampung Pulau Meranti, Sepang, baru-baru ini.

"Arus deras di bahagian hulu sungai terganggu akibat binaan konkrit setelah hujan lebat pada Khamis lalu dan menghakis tebing.

"Saya berharap pihak bertanggungjawab mengambil tindakan membantu bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku kepada ahli keluarga saya," katanya.

Tinjauan *Sentral* mendapati rumah keluarga itu terletak beberapa meter saja dari tebing Sungai Rasau dan boleh runtuh pada bila-bila masa akibat hakisan air sungai terbabit.

Berdekatan kawasan hakisan itu kelihatan batu tebatan hakisan tebing sungai bertaburan di dalam sungai dan beberapa pohon kayu dan kelapa yang ditanam mangsa juga didapati tumbang.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Datuk Marsum Paing, yang melawat kawasan itu berkata, beliau akan memanjangkan kes terbabit kepada agensi berkaitan untuk diselesaikan segera.